



**Circular No 164/2020
Dated 22 May 2020**

To Members of the Malaysian Bar

**Standard Operating Procedure to be Followed at the Premises of the Ministry of
Finance and Special Commissioners of Income Tax during the CMCO**

The Office of Special Commissioners of Income Tax (Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, “PKCP”) had extended an email to us on 20 May 2020 entitled “Notis Prosedur Operasi Standard (SOP) di Premis Kementerian Kewangan Malaysia dan Premis Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat”, as well as the related Standard Operating Procedure (“SOP”).

The email is intended to inform Members of the opening of the Office of the PKCP for hearings and mentions from 1 June 2020, and the relevant SOP that parties need to adhere to in this regard.

The relevant portion of the email is reproduced below. The SOP is available [here](#) (see pages 3 to 4).

We hope that the information provided here is of assistance to Members. We will update Members as and when there are new developments.

Thank you.

Anand Raj
Chairperson
Tax Subcommittee of the Corporate and Commercial Law Committee

20 Mei 2020

**NOTIS PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DI PREMIS KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA DAN PREMIS PESURUHJAYA KHAS CUKAI
PENDAPATAN, SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Pejabat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) akan memulakan persidangan kes bicara dan sebutan secara sepenuhnya mulai 1 Jun 2020.

3. Memandangkan negara kita masih dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berikutan penularan wabak Covid-19, maka pengurusan PKCP telah menetapkan beberapa aturan yang dikenali sebagai Prosedur Standard Operasi di Premis Kementerian Kewangan dan Premis PKCP semasa tempoh PKPB (SOP) yang perlu dipatuhi oleh tuan/puan semasa menghadiri sesi persidangan kes di Premis PKCP.
4. Pada masa yang sama, pihak pengurusan PKCP juga telah melaksanakan normal baharu dalam pengendalian pendengaran kes iaitu pendengaran kes secara dalam talian. Pengurusan PKCP amat berharap tuan/puan dapat memberikan kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan pendengaran kes secara dalam talian. Setiausaha PKCP akan memaklumkan kepada pihak-pihak lebih awal jika kes sesuatu pendengaran itu akan dibuat secara dalam talian. Tujuan pendengaran kes dalam talian ini adalah untuk minimumkan kehadiran peguam/ pegawai/ saksi ke premis PKCP.
5. Oleh demikian, tuan/puan yang hadir secara fizikal disesi pendengaran kes, **dinasihatkan untuk minimumkan jumlah pegawai/ peguam** yang dibawa oleh tuan/puan untuk membantu tuan/puan dalam prosiding tersebut.
6. Bersama-sama ini disertakan SOP di Premis Kementerian Kewangan dan Premis PKCP yang **perlu dipatuhi oleh tuan/puan sepenuhnya bagi memastikan penularan wabak Covid-19 dapat ditangani sebaiknya**. Selain SOP ini **tuan/puan juga hendaklah mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara dari semasa ke semasa**.

**NOTIS PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
DI PREMIS KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN
PREMIS PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN,
SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT**

Selaras dengan langkah-langkah pencegahan yang disarankan oleh Kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak jangkitan COVID-19 dengan cara yang terbaik, Pejabat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) akan menguatkuasakan garis panduan kesihatan dan keselamatan yang ketat kepada pihak-pihak semasa berurusan dan menghadiri sesi pendengaran kes di premis PKCP.

- a) semua pihak yang hadir untuk sesi pendengaran kes perlu memastikan bahawa diri mereka tidak mempunyai simptom seperti demam, selsema atau batuk berpanjangan;
- b) semua pihak perlu mematuhi sepenuhnya arahan untuk imbasan suhu badan oleh pihak anggota keselamatan di lobi utama kompleks Kementerian Kewangan dan mematuhi apa-apa arahan lain oleh anggota keselamatan;
- c) pihak-pihak yang hadir hendaklah mengisi Borang Pelawat yang disediakan di pintu masuk bilik perbincangan bagi tujuan penjejakan sosial (*social tracing*);
- d) hanya pihak-pihak yang mempunyai urusan sahaja dibenarkan untuk masuk ke dalam premis PKCP;
- e) hanya seorang anak guam bagi satu pihak dibenarkan berada di dalam bilik perbincangan semasa pendengaran kes;
- f) pemakaian *face mask* adalah diwajibkan pada setiap masa pihak-pihak berada di dalam premis PKCP dan kompleks Kementerian Kewangan. Pejabat PKCP tidak menyediakan *face mask* kepada pihak-pihak yang hadir;

- g) pihak-pihak hendaklah menggunakan *hand sanitizer* yang disediakan di pintu masuk bilik perbicaraan sebelum dan selepas berurusan di premis PKCP;
- h) saksi atau pihak-pihak di dalam sesuatu prosiding hanya dibenarkan memasuki premis PKCP 30 minit sebelum pendengaran sesuatu kes;
- i) tempat duduk di dalam bilik perbicaraan adalah terhad. Semua pihak hendaklah mematuhi garis sempadan yang telah ditetapkan di setiap tempat duduk;
- j) pihak-pihak hendaklah sentiasa peka terhadap jarak sosial antara satu sama lain semasa berada dalam premis PKCP.
- k) Pihak-pihak hendaklah segera meninggalkan premis PKCP setelah selesai urusan;
- l) kerjasama semua pihak adalah dipohon untuk menjaga kebersihan premis PKCP;
- m) pihak-pihak juga dipohon untuk mematuhi apa-apa arahan berhubung dengan wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.

Pejabat ini menghargai kerjasama semua pihak dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pengguna premis PKCP terjaga sepanjang situasi wabak COVID-19 ini. Segala kesulitan yang timbul daripada garis panduan ini adalah amat dikesali

Terima kasih.

Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
15/5/2020